



E-BULETIN

HOSPITAL BANTING

EDISI 2021

Hospital Banting, Jalan Sultan Alam Shah
42700 Banting
Selangor.

Tel: +603 3187 1333

Faks: +603 3181 8834

Emel: hospitalbanting@moh.gov.my

SELEKSI KANDUNGAN

- 3** KATA ALUAN PENGARAH HOSPITAL
- 4** LATAR BELAKANG HOSPITAL
- 5** MISI & VISI HOSPITAL
- 6 - 12** SOROTAN AKTIVITI HOSPITAL 2021
- 13 - 15** PENCAPAIAN JABATAN/UNIT HOSPITAL
- 16 - 19** PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN HOSPITAL
- 20 - 21** MINI PKRC
- 22 - 24** MAKLUM BALAS: DARI HATI PELANGGAN
- 25** CUBA CARI: PERKATAAN TERSEMBUNYI
- 26** INFO SIHAT: KENALI KHASIAT BUAH & SAYUR MENGIKUT WARNA



Kata Aluan

PENGARAH HOSPITAL

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita masih diberi peluang dan kekuatan untuk meneruskan khidmat bakti kepada masyarakat, khususnya dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat disampaikan kepada rakyat.

Tahun 2021 telah membawa cabaran yang besar kepada seluruh dunia, termasuk negara kita, dalam menangani pandemik COVID-19. Hospital Banting sebagai salah sebuah institusi kesihatan awam telah memainkan peranan penting dalam memberikan rawatan, saringan dan khidmat sokongan kepada pesakit yang memerlukan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Hospital Banting atas semangat dedikasi, komitmen dan profesionalisme yang ditunjukkan sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Kita juga tidak boleh menafikan bahawa krisis kesihatan ini telah membuka ruang untuk kita memperkukuhkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui pendekatan yang lebih inovatif dan bersepadu. Justeru, marilah kita terus berganding bahu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan, memperkukuh budaya kerja berintegriti serta memartabatkan nilai-nilai murni dalam setiap aspek tugas kita.

Akhir kata, saya berharap agar tahun 2021 menjadi medan untuk kita terus maju ke hadapan, memperbaiki segala kelemahan dan terus memberikan yang terbaik kepada masyarakat. Bersama kita melangkah ke arah Hospital Banting yang lebih cemerlang, unggul dan dihormati.

Sekian.

Dr. Fakhruddin bin Amran
Pengarah Hospital,
Hospital Banting.






LATAR BELAKANG

Hospital Banting dibuka dengan rasminya pada 6 Februari 1975 oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj dengan kos pembinaan sebanyak RM 3.2 Juta dan keluasan 10.48 Hektar.

Mengikut perangkaan, pada tahun 1974 jumlah kemasukkan pesakit adalah sebanyak 672 orang pesakit dengan kadar penggunaan katil sebanyak 51.13% dan meningkat kepada 3652 kemasukkan dengan kadar penggunaan katil sebanyak 70.04% bagi tahun 1975.



Peta Hospital Banting

HOSPITAL

VISI

Berusaha Menjadi Pusat
Rawatan Pesakit Yang
Berkebolehan Capaian Dan
Bersesuaian Teknologi
Dengan Mengamalkan
Budaya Korporat

MISI

Hospital Banting Adalah
Komited Untuk Menjadi
Pusat Rawatan Yang
Berkualiti, Selamat, Berkesan
Serta Mesra Dan Fokus
Pelanggan

BANTING

SOROTAN

AKTIVITI HOSPITAL 2021

PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN





**MAJLIS PENYAMPAIAN PENGHARGAAN SEMPENA HARI
RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JABATAN**





**PROGRAM REWANG BUBUR LAMBUK PERDANA PERINGKAT
HOSPITAL BANTING**





SAMBUTAN WORLD OCCUPATIONAL THERAPY DAY 2021





MAJLIS IFTAR JAMA'IE WARGA KERJA DAN ANAK-ANAK YATIM 2021




PROGRAM HARI JURURAWAT



PROGRAM HARI DOKTOR





**SAMBUTAN HARI FARMASI SEDUNIA 2021 DENGAN TEMA
'PHARMACY: ALWAYS TRUSTED FOR YOUR HEALTH'**



PENCAPAIAN

JABATAN FARMASI

Jabatan Farmasi Hospital Banting telah menyertai KARNIVAL INOVASI FARMASI BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR (KIKF). Dalam pertandingan tersebut, tajuk **Quality Assurance (QA): To Increase Number of Medication Counselling for Breastfeeding Mother in Outpatient Pharmacy Department Hospital Banting** telah memenangi **tempat pertama** bawah kategori QA oral. Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) bertajuk **Throbotomy** mendapat **tempat kedua** dan Inovasi bertajuk **Crona-Care** mendapat **tempat ketiga**.




PENCAPAIAN

JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI

Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Klinik O&G



Jumlah Kelahiran Mengikut Bulan Sepanjang Tahun 2021




PENCAPAIAN

UNIT DIETETIK & SAJIAN



Statistik Perbandingan Bilangan Pesakit Yang Diberi Perkhidmatan Dietetik Dari Tahun 2018 Hingga 2021



Statistik Bilangan Pesakit/Pelanggan Yang Dihidangkan Diet Mengikut Jenis Diet Dalam Tahun 2021 (n= 102258)

PERKEMBANGAN

PEMBANGUNAN HOSPITAL 2021



Jabatan Radiologi telah berjaya memperolehi satu lagi **mesin general x-ray (lanmage)** bagi menampung kes-kes pemeriksaan x-ray di Kuala Langat dan sekitarnya. **Bilik Pemeriksaan Digital Radiography (DR)** ini telah digunapakai pada 1 Januari 2022 secara rasmi setelah mendapat **kelulusan** mengguna dari Bahagian Kawal Selia Radiasi Perubatan (BKRP), Kementerian Kesihatan Malaysia pada 29 **Disember 2021**.

PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN HOSPITAL 2021



Projek naik taraf di **Jabatan Radiologi** yang dimulakan pada tahun **2019** telah siap sepenuhnya pada **November 2021**. Bilik ruang gelap dan *sorting room* kini berubah menjadi **tandas** dan ruang kerja **CR** yang lebih selesa dan praktikal.



Pada **awal tahun 2021**, Unit Radiologi telah menerima beberapa lawatan dari Ketua Setiausaha(KSU) KKM dan KPN KKM, **lawatan tapak penempatan CT Scan** oleh Bahagian Perkembangan Perubatan KKM, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM, Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan KKM dan Ketua Perkhidmatan Radiologi Kebangsaan serta lawatan dari Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Perubatan KKM.

PERKEMBANGAN

PEMBANGUNAN HOSPITAL 2021



Sementara itu, Hospital Banting juga telah membuat penambahan bilik bedah yang disebut sebagai **Modular Operating Theatre** dan telah mula beroperasi pada **15 September 2021**. Dengan penambahan bilik bedah baharu ini, kini terdapat dua bilik bedah yang beroperasi untuk menjalankan **pembedahan elektif dan kecemasan**.

PERKEMBANGAN

PEMBANGUNAN HOSPITAL 2021



Sebelum beroperasi untuk menjalankan kes pembedahan, Modular OT ini telah sempat digunakan sebagai **ICU sementara** bagi merawat **kes kritikal bukan Covid-19**. Ini memandangkan pada ketika itu, **kompleks ICU** hospital ini terpaksa menumpukan untuk merawat **kes Covid-19**.

Sebuah **Kompleks Dewan Bedah** yang dilengkapi empat bilik bedah kini sedang dalam **proses pembinaan** dan dijangka siap pada penghujung 2022.

MINI PKRC

PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH DI HOSPITAL BANTING

Bangunan Kompleks Pelbagai Guna yang menempatkan Mini PKRC Hospital Banting ini telah dinaik taraf dengan menggunakan **peruntukan darurat** bagi menghadapi pandemik Covid-19.



MAKLUM BALAS

DARI HATI PELANGGAN

Saya amat berterima kasih dengan semua pegawai/doktor/staff/jururawat bertugas di Klinik Pakar Pemberian Vaksin, Jabatan Kecemasan dan juga Farmasi Hospital Banting untuk khidmat "Kelas Pertama" yang tidak saya jangkakan. Khidmat terbaik yang diberikan tidak mampu dibalas melainkan ucapan terima kasih, terima kasih, terima kasih!

-Yusalinawati binti Yusof



Terima kasih banyak banyak kepada Doktor dan Jururawat di Hospital Banting. Terutama Doctor Vimalar, beliau yang buat explanation terhadap komplikasi ibu dan bayi. Explanation ini mengurangkan kerisauan dan runsingan saya. Terima kasih banyak banyak.

Walaupun bayi masih di wad 4 terima observation dan rawatan. Saya lega. Team Doctor and Jururawat yang baik di Hospital ini.

-Chua Jen Hock



MAKLUM BALAS

DARI HATI PELANGGAN

Saya telah melahirkan bayi saya pada 21 April 2021, jam 0009 disambut oleh SN Farah Wahida dan SN Hidayah. Dari kontraksi bermula hingga melahirkan, mereka telah memberi sokongan emosi dan kata-kata perangsang hingga menyebabkan saya menjalani proses melahirkan yang tenang dan tidak trauma.

Begitu juga dari mula saya dirujuk ke PAC dengan dinilai oleh Dr Sharanya, segala proses dari mula kemasukan hingga discharge home, segala prosedur dilakukan dengan lemah lembut dan informed consent.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Wad 1 secara amnya dan staff yang disebut nama secara khasnya atas perkhidmatan yang diberikan semasa proses melahirkan anak saya. Setiap kakitangan menyantuni pesakit dan wajar diberi penghargaan kerana menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

-Nur Nabilla Masfuzah binti Abdullah



MAKLUM BALAS

DARI HATI PELANGGAN

Salam/Selamat sejahtera.

Saya bapa kepada Che Muhammad Irfan bin Che Darus merasa sangat teruja kecekapa yang ditunjukkan oleh kakitangan Hospital Banting, Selangor, dari pemandu hinggalah ke Pengarah hospital (Dr. Fakhruddin bin Amran) yang mana telah merawat anak saya semasa kemalangan jalan raya di km 04 Jalan Dengkil-Banting pada 09 Jun 2021 hingga 16 Jun 2021. Anak saya telah mengalami kecederaan parah (patah peha kiri, patah 2 jari, putus 2 urat).

Dengan ini saya ucapkan syukur kepada Allah SWT, syabas dan tahniah kepada pemandu ambulan, Bahagian Kecemasan, Wad 5, doktor orthopaedic hinggalah ke semua kakitangan hospital.

-Che Darus bin Che Yusoff



CUBA CARI

PERKATAAN TERSEMBUNYI

V	Q	C	F	B	C	S	H	S	G	W	L	I	S	H
D	R	A	G	B	Y	Y	R	U	X	E	L	X	J	R
B	I	J	R	U	K	P	P	K	E	G	V	D	V	A
V	U	A	U	B	V	E	D	V	Q	Q	E	X	B	D
N	C	Z	L	R	K	A	C	A	N	L	U	C	A	I
A	V	A	D	I	U	E	K	E	L	P	N	M	N	O
B	H	M	A	G	S	R	S	S	M	Q	R	S	T	L
N	D	S	Z	K	Q	I	A	I	I	A	O	U	I	O
Y	T	I	C	N	Y	N	S	W	H	N	S	N	N	G
A	U	Y	E	V	M	Y	Y	E	A	A	A	A	G	I
W	B	A	W	T	S	A	A	Y	F	T	T	S	N	U
A	A	Q	C	L	E	P	T	Z	G	T	X	A	I	R
I	T	V	V	I	H	T	V	M	B	G	U	R	N	U
R	H	I	G	Y	N	Y	I	I	J	R	W	N	X	Z
V	D	D	E	K	K	W	F	K	D	F	X	E	Z	R

- RADIOLOGI
- VAKSINASI
- DIETETIK
- UBAT
- KECEMASAN
- KESIHATAN
- BANTING
- JURURAWAT
- DIALISIS
- NYAWA

Info **SIHAT**

KENALI KHASIAT BUAH & SAYUR MENGIKUT WARNA



Jenis Fitokimia: Likopena (*Lycopene*)

Membantu meningkatkan kesihatan jantung

Membantu mengurangkan risiko kanser

Membantu melindungi kerosakan sel

Baik untuk pembentukan sel darah merah

Baik untuk penghadaman

Membantu meningkatkan imuniti badan



Jenis Fitokimia: Klorofil, Serat, Zat Besi

Menyokong kesihatan mata

Bagus untuk kesihatan kulit

Menyokong kesihatan jantung



Jenis Fitokimia: Karotenoid (*Carotenoid*)

Sumber: KKM

DITERBITKAN OLEH:



Hospital Banting, Jalan Sultan Alam Shah, 42700
Banting, Selangor.

Tel: +603 3187 1333

Faks: +603 3181 8834

Emel: hospitalbanting@moh.gov.my